

Semua syarikat kerajaan akan diaudit

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Hampir 2,000 syarikat akan diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN) bermula tahun ini untuk menangani isu-isu tatakelola yang dikenal pasti dan meningkatkan ketelusan serta akauntabiliti pengurusan wang awam negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelaksanaan pengauditan itu akan lebih cekap dan sistematik menggunakan sistem e-SelfAudit berasaskan kecerdasan buatan (AI).

Antara yang akan diaudit ialah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berhad menurut jaminan (CLBG).

Anwar berkata, pengauditan ini bertujuan menangani isu-isu tatakelola yang dikenal pasti dalam syarikat kerajaan termasuk kelemahan pemantauan terhadap laporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan pelan strategik syarikat.

Katanya, antara isu lain yang dikenal pasti ialah kegagalan Ketua Pegawai Eksekutif memainkan peranan dalam mengurus dan menyelia operasi syarikat serta kerugian berterusan di peringkat syarikat induk dan anak syarikat.

"Keuntungan syarikat yang tidak diagihkan semula kepada kerajaan sebagai pulangan juga menjadi satu isu utama.

Semua syarikat kerajaan akan diaudit


Dari muka 1

“Selain itu, kelemahan Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Audit dalam memberi pandangan dan nasihat kepada Lembaga Pengarah,” katanya ketika berucap melancarkan Sistem e-SelfAudit bagi pengauditan syarikat kerajaan di sini semalam.

Kata Anwar, keputusan signifikan syarikat termasuk pembayaran gaji dan perkhidmatan sering kali tidak dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah telah menjejaskan integriti pengurusan.

Beliau berkata, kerajaan telah mengeluarkan arahan Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Tatakelola Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) pada 20 Mei 2024 bagi memperkukuhkan tatakelola.

Katanya, arahan itu memberi panduan kepada kementerian pengawal dalam pelaksanaan peraturan dan prosedur pengurusan syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan yang



ANWAR Ibrahim (tengah) melancarkan Pelaksanaan Pengauditan Syarikat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan.

“Tentunya GLC sudah ada audit dalaman. Saya arahkan

Ketua Audit Negara jika ada keperluan untuk ‘masuk’ audit sekiranya didapati ada keterlanjuran.

“Saya mahu kuasa ini diberikan kerana ada syarikat dipengerusikan Perdana Menteri, tetapi tak mungkin (Perdana Menteri) mampu meneliti sepenuhnya, saya percaya dengan prestasi dan kecakapan ditunjukkan Ketua Audit Negara adalah lebih selesa jika mereka dapat memberi pandangan awal supaya dapat lebih kefahaman.

“Saya beri jaminan ikhtiar hari ini bukan bermaksud untuk mencela atau meragui, mana-mana syarikat yang menjalankan prestasi baik, maka teruskan, ia bukan bermaksud untuk melecehkan kerja mengutip hal-hal (remeh),” katanya.

Anwar berkata, mana-mana badan termasuk ahli politik atau Ahli Parlimen atau syarikat yang dapat dana daripada kerajaan, maka kebertanggungjawaban itu secara telus harus dilakukan.

“Jadi saya harap semua pihak boleh terima seperti mana kita telah umumkan di Parlimen dengan ikhtiar ini dan tidak ada yang terkecuali,” katanya.